

www.terengganu-inc.com

BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT



TERENGGANU INC
200601005493(725242-P)

IGMRR MELABUH 2025 TIRAI DENGAN PENYERTAAN LEBIH 4,200 PESERTA

TIG EXCELLENT
AWARD IKTIKRAF
PENCAPAIAN
CEMERLANG
ANAK SYARIKAT

KUMPULAN
EPIC RAIH
EMPAT
PENGIKTIKRAFAN
DI ANUGERAH
MSOSH KE-43

KDYMM SULTAN
TERENGGANU
BERKENAN
TERIMA ZAKAT
KUMPULAN
TERENGGANU INC
RM 8.43 JUTA

SELANJUTNYA





BULETIN 2025 :

Berkonsepkan **KECEMERLANGAN SUKAN** dan **TANGGUNGJAWAB SOSIAL**, Kumpulan Terengganu Inc komited dalam memperkasakan sukan melalui anjuran International Golden Monsoon Ride & Run 2025 dan TIG Games 2025, di samping meneruskan tanggungjawab sosial korporat melalui Zakat Kumpulan Terengganu Inc dengan perkenan KDYMM Sultan Terengganu, merentasi pelbagai sektor dan komuniti.

SIDANG REDAKSI

KETUA EDITOR

SURIDAH SUPIAN

PANEL PENULIS

INARAH IRSALINA WAHAD
WAN NUR MASHALISA WAN MUSA
AFIQAH MOHAMAD

SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA:



KANDUNGAN

- 02** Kata Alu-Aluan PGCEO
OGA 2025 Pertingkatkan Sinergi Industri EPIC
Inisiatif Keselamatan Proaktif Angkat EPIC OG Sdn Bhd Ke Kedudukan Top 3 PCSB
TDM Group Directors' Development Programme Perkukuh Kompetensi Lembaga Pengarah
- 04** Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc Dilantik Sebagai "Ceo@Faculty Programme of Uitm"
Primula Beach Hotel Perkukuh Usaha Kelestarian Melalui Projek Fertigasi
- 05** KMI Kuala Terengganu Medical Centre Lancar Konsep Hospital Mesra Ibadah
EPIC Berhad Kukuhan Budaya Keselamatan Di Tempat Kerja Di HSSEQ Week 2025
- 06** Terengganu Inc @ Selangor Investment And Industrial Park Ekspo (SPARK) 2025
- 07** Terengganu Inc Meterai Usaha Sama Strategik Dengan Greenverse Holdings
Chicken Cottage Dinobatkan Sebagai Pemenang Franchise Business Of The Year di Islam Channel Business Awards 2025
- 08** IGM 2025 : Pavilion Terengganu Raih Naib Johan Anugerah Inovasi Negeri
Golden Pharos Berhad Raih Penarafan Tiga Bintang Indeks FTSE4good Bursa Malaysia
- 09** Primula Beach Hotel Dan Unisza Meterai MOU Perkukuh Kelestarian, Pendidikan dan Sinergi Industri
KMI Kuala Terengganu Raih Anugerah Global Performance Excellence Award 2025
- 10** TIG Excellent Award Iktiraf Pencapaian Cemerlang Anak Syarikat
- 12** KDYMM Sultan Terengganu Berkenan Terima Zakat Kumpulan Terengganu Inc Rm 8.63 Juta
- 13** KPKSB Terima Pengiktirafan Iso 45001:2018 Di Majlis SIRIM Industri 2025
Terengganu Inc Terima Anugerah Zakat Kebangsaan 2025
- 14** Terengganu Inc Group Corporate Directors Programme 2025: Fokus Kepada Penggunaan Ai Dalam Perniagaan
- 16** Terengganu Inc, Celcom Digi Meterai Kerjasama Strategik Memaju Digital dan Transformasi Ai Negeri
- 17** Golden Pharos Berhad Sertai Malaysian Wood Expo 2025 Di MITEC
Manis Fm dan IKIM Fm Memperkukuh Suara Dakwah
- 18** Kumpulan EPIC Raih Empat Pengiktirafan di Anugerah MSOSH Ke-43
- 19** TDM Berhad Terima Pengiktirafan 'ESG Verification' Di Majlis SIRIM Industri 2025
- 20** Terengganu Inc Terima Pengiktirafan Rakan Industri Cemerlang Unisza 2025
Kumpulan EPIC Raih Tiga Anugerah Di HRD Awards 2025 & Pengiktirafan Platinum Di IMPEC 2025
- 21** Terengganu Inc Terima Anugerah Majikan Terbaik KWSP 2025
EPIC Berhad Diiktiraf Sebagai Rakan Industri Cemerlang Oleh Unisza
- 22** Permai Hotel Kuala Terengganu Dinobatkan Perkhidmatan Hotel 3 Bintang Terbaik Di Anugerah Seri Iman 2025
Syarikat Air Terengganu Sertai Majlis Menandatangani MOA Projek Utiliti Kerajaan
- 23** TDM Berhad Sokong Pembangunan Belia Menerusi Program Tunas Scholar Career Talk
320 Kg Sampah Dilupus Menerusi "EPIC Jom Bersih X HSSEQ Week 2025"
- 24** TDM Berhad Perkukuh Kesejahteraan Komuniti Melalui Program CSR Di Sura dan Telemong
Sesi Perkongsian Terengganu Inc Bersama Penerima Biasiswa Tunas Scholar Di University College Bestari
- 25** "EPIC Pinktober Care 2025", Sentuhan Prihatin EPIC Berhad Sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara
Terengganu Inc Sumbang Motosikal Khas OKU
- 26** TDM Berhad Zahirkan Sokongan Solidariti Kemanusiaan Kepada Palestin Melalui Himpunan Malam Palestin
Anugerah Perdana Terengganu Inc Di Konvokesyen Unisza Ke-17
EPIC Berhad Raikan Senyuman Anak-Anak Autisme
- 27** TDM Berhad Santuni Komuniti Jabi Melalui Program TDM Bersama Masyarakat
EPIC Berhad Perkasa Kelestarian Pesisir Pantai Melalui "EPIC Jom Bersih 2025" Dan "EPIC Grow Green 2025"
- 28** SATU Terus Mengukuh Inisiatif dan Komitmen Komuniti Melalui Program CSR Pemasangan Paip Air Retrikulasi & Pili Bomba di Kampung Bakau Tinggi, Kemaman
Program Bantuan Khas Nelayan Musim Tengkujuh TDM, Santuni 372 Keluarga Nelayan Seberang Takir
- 29** Ti Properties Sdn Bhd Harmoni Didik : Program Ceria Ke Sekolah
Terengganu Inc Meriahkan Program Santai Sekampung Bersama Komuniti Kampung Maras
- 30** Sukan Terbuka GPB 2025 Perkukuh Semangat Kekitaan Warga Kerja
Terengganu Inc Perkukuh Penajaan Sukan Permotoran Melalui Penyertaan Hakim Danish Dalam Wildcard Moto3
- 31** TSG Shimano Fellowship Ride 2025 Rai Edisi Kelima Dengan Penyertaan 2,500 Peserta
- 32** Kumpulan Terengganu Inc Taja Tour Gateh D'Tranung (TGDT) 2025
- 33** TIG Games 2025 Tamat Dengan Jayanya, Satu Dinobatkan Juara Keseluruhan
- 34** IGMRR 2025 Melabuh Tirai Dengan Penyertaan Lebih 4,200 Peserta



TERENGGANU INC
200601005493(725242-P)

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD. 200601005493(725242-P)
Wisma TI, Chendering, 21080 Kuala Terengganu, Terengganu

Tel : +609-6177771
Fax : +609-6177772

www.terengganu-inc.com

WACANA PENGERUSI KUMPULAN TERENGGANU INC

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT. Dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Kumpulan Terengganu Inc terus konsisten mempamerkan prestasi yang memberangsangkan merentasi pelbagai sektor sepanjang 2024. Kejayaan ini terjemahan daripada kerjasama daripada semua pihak dalam memastikan pulangan hasil yang maksimum.


“PADA TAHUN KEWANGAN 2024, KUMPULAN TERENGGANU INC MENCATATKAN PRESTASI KEWANGAN YANG KUKUH DENGAN JUMLAH HASIL MENCECAH RM1.75 BILION, MENCERMINKAN PENINGKATAN TAHUN KE TAHUN SEBANYAK 15%, DISOKONG OLEH SUMBANGAN KUKUH DARIPADA KLUSTER PERLADANGAN, MINYAK & GAS, SERTA PENJAGAAN KESIHATAN. MOMENTUM LUAR BIASA BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA JUGA DIREKODKAN DALAM SEGMENT INFRASTRUKTUR, PEMBINAAN & KEJURUTERAAN, DAN PELANCONGAN. KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH MENYEDIAKAN 9234 PELUANG PEKERJAAN DENGAN 5212 DIISI OLEH ANAK JATI TERENGGANU. SELAIN ITU, SERAMAI 406 PELATIH INDUSTRI DAN PENGURUSAN TURUT MENDAPAT PELUANG LATIHAN.

”

Di samping itu, syarikat juga terus memainkan peranan aktif dalam memulangkan manfaat kepada masyarakat melalui pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dijalankan RM 12 Juta telah disalurkan dalam pelbagai bentuk inisiatif, merangkumi aspek kebajikan, pendidikan dan kemasyarakatan. Sebanyak RM 8.63 Juta telah diserahkan sebagai pembayaran zakat perniagaan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pasukan pengurusan atas sumbangan mereka dalam merangka hala tuju strategik Kumpulan. Tidak dilupakan, penghargaan ini turut ditujukan kepada seluruh warga kerja Kumpulan Terengganu Inc atas dedikasi dan komitmen tinggi mereka. Semoga segala usaha ini terus diberkati Allah SWT dan kejayaan yang dicapai dapat membawa manfaat yang berpanjangan kepada rakyat dan negeri Terengganu.

**YAB DATO' SERI IR. DR. AHMAD
SAMSURI BIN MOKHTAR**
Menteri Besar Terengganu
merangkap Pengerusi Terengganu Inc



WACANA PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Kumpulan Terengganu Inc terus mencatat prestasi kukuh bagi Tahun Kewangan 2024, didorong oleh sumbangan daripada kluster Perladangan, Minyak & Gas serta Penjagaan Kesihatan terus yang menyumbang 80% daripada hasil Kumpulan.

“PRESTASI YANG LUAR BIASA BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA DICAPAI DALAM KLUSTER INFRASTRUKTUR, PEMBINAAN & KEJURUTERAAN, YANG MENCATATKAN LEBIH DARIPADA DUA KALI GANDA PENINGKATAN HASIL BERIKUTAN PELAKSANAAN PROGRESIF KONTRAK-KONTRAK YANG TELAH DIPEROLEH. BEGITU JUGA, SEGMENT PELANCONGAN MENGALAMI PEMULIHAN YANG MEMBERANGSANGKAN, MENCATAT PERTUMBUHAN KETARA HASIL DARIPADA PELUASAN AKTIVITI PERNIAGAAN HOTEL.”

Terengganu Inc memanfaatkan momentum pertumbuhan, nilai berkekalan dan menggalakkan pembangunan mampan untuk kelebihan semua pihak berkepentingan. Mengimbas kembali tahun-tahun sebelumnya Terengganu Inc berjaya mengharungi persekitaran yang mencabar. Mempamerkan daya tahan dan kepintaran strategik dalam menghadapi pasaran bisnes yang tidak menentu.

YBHG. DATO' BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc



OGA 2025

PERTINGKATKAN SINERGI INDUSTRI EPIC

04 SEPTEMBER 2025

EPIC BERHAD KEMBALI MENYERTAI "OIL AND GAS ASIA (OGA) 2025" YANG MENJADI MEDAN PERTUKARAN IDEA DAN JALINAN KERJASAMA STRATEGIK DEMI MEMPERKUKUH PERKEMBANGAN SEKTOR MINYAK DAN GAS.

Sebagai salah satu Penaja Emas dan pempamer, EPIC Berhad berpeluang menonjolkan keupayaan syarikat merentasi rantai nilai minyak dan gas, selain komitmen terhadap agenda peralihan tenaga negara.

Satu sesi perkongsian oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, yang mana menekankan peranan EPIC Berhad sebagai rakan industri pilihan yang memacu kemajuan melalui pembangunan mampan dan strategi pertumbuhan sosioekonomi Negeri Terengganu.

Acara ini turut menyaksikan pemeteraian Perjanjian Perkhidmatan Induk (MSA) antara Eastern Pacific Marine Sdn Bhd (EPMSSB) dan Velesto Drilling Sdn Bhd, anak syarikat Velesto Energy Berhad, bagi penyediaan perkhidmatan tambatan kapal, penempatan sementara (lay-up), kemudahan pelabuhan serta perkhidmatan sokongan marin di Pelabuhan Kemaman.



EPMSSB diwakili oleh Kapten Mohd Kamarul Mamat, Pengurus Besar Pengurusan Pelabuhan dan Perkhidmatan Marin, manakala Velesto diwakili oleh Encik Abdul Hadi Abdul Bari, Naib Presiden Kanan. Pemeteraian MSA disaksikan oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili bersama Encik Wan Mohd Azilah Wan Abdullah, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, dan Encik Muhd Nazif Muhamad, Ketua Jabatan Perolehan Velesto.





'TDM GROUP DIRECTORS' DEVELOPMENT PROGRAMME' PERKUKUH KOMPETENSI LEMBAGA PENGARAH

INISIATIF KESELAMATAN PROAKTIF ANGKAT EPIC OG SDN BHD KE KEDUDUKAN TOP 3 PCSB

04 SEPTEMBER 2025



07 SEPTEMBER 2025

EPIC OG Sdn Bhd (EOGSB) meneruskan prestasi cemerlangnya dalam industri apabila diiktiraf sebagai salah satu daripada "Top 3 Solution Partners with the Most UAUC and Stop Work Authority Reports" oleh PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB).



Pengiktirafan ini disampaikan oleh Encik Mohd Rashdan Mahmood, Pengurus Besar Kanan Perniagaan Huluhan PMA, dalam program "PMA Contractors Top Management Engagement with Peninsular Director". Pengiktirafan tersebut mencerminkan komitmen berterusan EOGSB dalam mengutamakan aspek keselamatan di tapak operasi, khususnya melalui pelaporan proaktif seperti "Unsafe Act/Unsafe Condition" (UAUC) dan "Stop Work Authority" (SWA).

TDM telah menganjurkan 'TDM Group Directors' Programme 2025' bertempat di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan syarikat untuk meningkatkan kompetensi serta keupayaan strategik Lembaga Pengarahnya.

Usaha ini selaras dengan budaya keselamatan PETRONAS dan industri minyak dan gas, yang menekankan tindakan awal, pencegahan risiko, serta keberanian pekerja untuk menghentikan kerja apabila wujud potensi bahaya. Kedudukan EOGSB dalam kelompok tiga teratas membuktikan kesungguhan syarikat dalam memperkukuh pematuhan standard keselamatan, meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kerja, serta memastikan operasi dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Program ini melibatkan tenaga pengajar dari UMPSA yang membincangkan topik utama iaitu Generative AI for Organisational Efficiency dan Understanding Financial Statements for Non-Financial Professionals. Sesi-sesi ini telah memperkukuh kesedaran digital dan literasi kewangan para peserta, sekali gus menyokong proses pembuatan keputusan yang lebih efektif.

Inisiatif ini selari dengan aspirasi TDM untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya dalam bidang pendidikan berkualiti (SDG 4) dan pertumbuhan ekonomi inklusif serta inovasi (SDG 8 & 9).



09 SEPTEMBER
2025

PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN TERENGGANU INC DILANTIK SEBAGAI "CEO@ FACULTY PROGRAMME OF UITM"

TAHNIH KEPADA PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN, YBHG. DATO' BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN ATAS PELANTIKAN SEBAGAI AHLI PROGRAM BERPRESTIJ 'CEO@FACULTY PROGRAMME OF UITM' DI UITM SHAH ALAM.

Pelantikan ini telah disampaikan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM. YBhg. Dato'

Burhanuddin kini menyertai barisan 38 Ketua Pegawai Eksekutif tersohor dari pelbagai industri, termasuk pemimpin daripada Great Eastern Takaful Berhad, Astro Malaysia Berhad, Pfizer, Petronas Dagangan Berhad dan Ahmad Zaki Resources Berhad.

Pencapaian ini mencerminkan kepimpinan cemerlang dan komitmen tinggi beliau dalam memperkukuh kerjasama antara industri.

PRIMULA BEACH HOTEL PERKUKUH USAHA KELESTARIAN MELALUI PROJEK FERTIGASI



12 SEPTEMBER
2025

PRIMULA BEACH HOTEL TERUS KOMITED TERHADAP AGENDA KELESTARIAN MELALUI

PELAKSANAAN INISIATIF ESG SECARA BERTERUSAN. PADA SEPTEMBER 2025, PIHAK HOTEL BERJAYA MELAKUKAN PENUAIAN TANAMAN SAWI BAGI KALI KE-8 DI BAWAH PROJEK FERTIGASI, MENGHASILKAN 37-KILOGRAM SAYUR SEGAR UNTUK KEGUNAAN DAPUR HOTEL.

Percubaan pertama tanaman kangkung turut menunjukkan kejayaan apabila ia mengeluarkan hasil segar yang boleh dimanfaatkan dalam penyediaan menu harian.

Melalui penggunaan sistem fertigasi, projek ini membuktikan keberkesanan inisiatif Environmental, Social & Governance (ESG) di peringkat operasi. Dari sudut Environmental, sistem fertigasi menjimatkan sehingga 40-60% penggunaan air berbanding kaedah penanaman tradisional dan membantu mengurangkan jejak karbon dengan mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar. Dari sudut Social, tetamu menikmati hidangan "farm-to-table" yang segar dan berkualiti, sekali

gus meningkatkan pengalaman kuliner di hotel. Dari sudut Governance, projek ini menggalakkan pengurusan sumber yang cekap dan penyelarasan rekod penuaian yang lebih sistematik.

Secara keseluruhan, projek fertigasi Primula Beach Hotel dianggarkan mampu menghasilkan sehingga 350-400 kilogram sayur-sayuran segar setahun, memberi penjimatan operasi dapur sebanyak RM6,000-RM8,000 setahun bergantung kepada harga pasaran. Penjimatan ini membolehkan hotel menyalurkan semula kos kepada peningkatan kualiti makanan, latihan kakitangan dan projek hijau yang lain.



KMI KUALA TERENGGANU MEDICAL CENTRE LANCAR KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH

26 SEPTEMBER 2025

KUMPULAN MEDIC IMAN SDN BHD (KMI HEALTHCARE), ANAK SYARIKAT TDM BERHAD MENGADAKAN MAJLIS PELANCARAN HOSPITAL MESRA IBADAH DI KMI KUALA TERENGGANU MEDICAL CENTRE (KMIKT).

هوسقیتل مسرا عبادة

Hospital Mesra Ibadah



Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Negeri Terengganu merangkap Pengerusi KMIKT. Turut dihadiri YBhg. Dato> Haji Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, YB Dr. Mamad Puteh, Ahli Lembaga Pengarah KMI Healthcare, Haji Najman Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TDM dan Dr Rayney Azmi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare.



Konsep Hospital Mesra Ibadah memberi penekanan kepada integrasi aspek spiritual dalam rawatan kesihatan. Antara elemen yang diketengahkan termasuklah khidmat bimbingan kerohanian serta panduan dalam melaksanakan ibadah seperti wuduk, tayammum dan solat bagi pesakit yang uzur.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, KMI Healthcare berazam untuk memperkukuh kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan yang holistik, menyentuh aspek fizikal, emosi dan spiritual, demi kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Inisiatif ini menandakan komitmen KMI Healthcare dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga menyeluruh dan selaras dengan kepatuhan syariah serta nilai kerohanian.

01 OKTOBER 2025

EPIC BERHAD KUKUHKAN BUDAYA KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA DI HSSEQ WEEK 2025

EPIC Berhad telah meneruskan pengisian HSSEQ Week 2025 dengan penganjuran Mega Toolbox bagi meningkatkan kefahaman serta kepatuhan warga kerja terhadap amalan keselamatan, di samping memperkukuh pembudayaan persekitaran kerja yang selamat. Acara berkenaan mendapat penyertaan barisan pengurusan kanan dan warga kerja Kumpulan EPIC. Dalam ucapannya, Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, menekankan kepentingan kerjasama serta pematuhan semua pihak dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja sentiasa terjamin.

Sejurus selepas itu, Pertubuhan Kecemasan Bantuan Bersama Kemaman (KEMA) dengan kerjasama agensi-agensi tindak balas kecemasan kerajaan telah melaksanakan Latihan EX-KEMA ISPS 2025 di Terminal Dermaga Barat, Pelabuhan Kemaman. Latihan berskala besar tersebut memberi tumpuan kepada peningkatan tahap kesiapsiagaan,



pengukuhan koordinasi rentas agensi, serta pengujian keberkesanan sistem komunikasi antara pihak swasta dan agensi kerajaan dalam menguruskan insiden kecemasan dengan lebih cekap dan berkesan.

Penganjuran kali ini melibatkan penyertaan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Selain itu, beberapa agensi lain juga memberikan sokongan termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman serta Jabatan Tenaga Atom Malaysia (ATOM Malaysia).



TERENGGANU INC @ SELANGOR INVESTMENT AND INDUSTRIAL PARK EKSPLO (SPARK) 2025

11 OKTOBER 2025 TERENGGANU INC MELALUI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU, BERSAMA INVEST TERENGGANU, LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU (LTAWNT), PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT) DAN EPIC BERHAD, BERBESAR HATI MEMPERSEMBAHKAN PAVILION TERENGGANU DI DEWAN 1, PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC) SEMPERA SPARK 2025.



Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Majlis turut dihadiri tetamu kehormat YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia; serta YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bersama barisan VIP lain yang turut memeriahkan acara pembukaan tersebut.

YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, mengetuai delegasi negeri semasa majlis perasmian dan sesi lawatan di Pavilion Terengganu. Turut bersama ialah Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad. Pavilion Terengganu menampilkan pelbagai potensi pelaburan, kekuatan ekonomi serta inisiatif pembangunan mampan yang menjadi tumpuan utama negeri.

Penyertaan Pavilion Terengganu di SPARK 2025 menyerlahkan komitmen berterusan Terengganu Inc dan rakan strategiknya dalam memupuk kerjasama pintar, memperkukuh peluang pelaburan serta memperkenalkan warisan budaya negeri yang kaya selaras dengan agenda ekonomi masa depan yang progresif.

TERENGGANU INC METERAI USAHA SAMA STRATEGIK DENGAN GREENVERSE HOLDINGS

09-14 OKTOBER 2025

TERENGGANU INC MENGUMUMKAN SATU KERJASAMA PENTING MENERUSI PEMETERAIAN PERJANJIAN USAHA SAMA DENGAN GREENVERSE HOLDINGS SDN BHD. INI MENANDAKAN PENCAPAIAN BAHARU DALAM KOMITMEN SYARIKAT TERHADAP KOLABORASI STRATEGIK DAN PERTUMBUHAN MAMPAN.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut menyaksikan YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, sebagai penandatanganan utama, disaksikan oleh Khairul Nizam Khalid Mirza, Naib Presiden Strategi & Perancangan Korporat Kumpulan. Bagi pihak Greenverse Holdings pula, Dato' Heng Sia Kwang, Ketua Pegawai Eksekutif, menandatangani dokumen tersebut dengan YBhg. Dato' Ahmad Tasnim, Pengarah, bertindak sebagai saksi.

Perjanjian usaha sama ini merupakan penyatuan strategik kepakaran, visi dan sumber antara dua organisasi yang progresif. Kerjasama ini dijangka membuka peluang baharu, memacu inovasi serta menghasilkan nilai mampan untuk kedua-dua pihak dan masyarakat secara lebih meluas.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat termasuk YB Nurkhuzaini Abd Rahman, Dato' Haji Rosli bin Latif dan Ustaz Nazri bin Chik, yang menyerlahkan lagi kepentingan kerjasama ini serta sokongan padu daripada para pemegang taruh utama.

Dengan termeterainya perjanjian ini Terengganu Inc dan Greenverse Holdings Sdn Bhd optimis untuk memanfaatkan kekuatan bersama dalam mencapai matlamat strategik dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi serta inovasi di rantau ini.



CHICKEN COTTAGE DINOBATKAN SEBAGAI PEMENANG FRANCHISE BUSINESS OF THE YEAR DI ISLAM CHANNEL BUSINESS AWARDS 2025



13 OKTOBER 2025 Chicken Cottage sekali lagi mengharumkan nama Kumpulan Terengganu Inc apabila diumumkan sebagai penerima Franchise Business of the Year pada Islam Channel Business Awards 2025, satu pencapaian yang amat membanggakan dan menjadi penanda aras yang penting dalam perjalanan perkembangan jenama Chicken Cottage.

Pengiktirafan berprestij ini lebih bermakna selepas Chicken Cottage hanya bergelar finalis pada tahun lalu, sekali gus membuktikan kemajuan pesat dan usaha berterusan seluruh pasukan dalam mengangkat mutu jenama ke peringkat lebih tinggi.

Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pasukan Chicken Cottage yang berdedikasi, komitmen, semangat dan keyakinan mereka terhadap visi syarikat terus menjadi pemangkin kejayaan. Penghargaan turut diberikan kepada rakan francais dan pembekal yang sentiasa komited, menyokong operasi harian serta menjadikan jenama ini terus menyerlah.

IGEM 2025 : PAVILION TERENGGANU RAIH NAIB JOHAN ANUGERAH INOVASI NEGERI



Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, YBhg. Dato' Haji Rosli Latif; Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun; Setiausaha LTAWNT, YBrs. Encik Nor Azam bin A. Rahman; serta delegasi negeri Terengganu.

Pavilion Terengganu turut mengharumkan nama negeri apabila dianugerahkan Naib Johan Anugerah Inovasi Negeri, sekali gus mengiktiraf komitmen berterusan dalam memacu pembangunan mampan serta mengukuhkan kedudukan Terengganu sebagai peneraju teknologi hijau dan eko-inovasi.

Pencapaian ini mencerminkan usaha berterusan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi melalui amalan lestari di samping memupuk kerjasama strategik yang bakal membentuk masa depan hijau Terengganu.

Sepanjang tiga hari pameran, pelbagai interaksi dengan para pelabur dizahirkan melalui sesi perbincangan serta pameran inisiatif hijau termasuk Terengganu State Green and Clean Energy Tracking, penyelesaian mampan serta usaha peralihan tenaga bersih.

Majlis perasmian IGEM 2025 disempurnakan oleh Menteri Perladangan dan Komoditi merangkap Pemangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Timbalan SUK (Pembangunan) merangkap

15-17 OKTOBER 2025

BAGI MEWAKILI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU, TERENGGANU INC, INVEST TERENGGANU, PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT), LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU (LTAWNT) DAN EPIC BERHAD MENYERTAI INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION AND CONFERENCE (IGEM) 2025 YANG BERLANGSUNG DARI 15 HINGGA 17 OKTOBER DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC).

GOLDEN PHAROS BERHAD RAIH PENARAFAN TIGA BINTANG INDEKS FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA

Golden Pharos Berhad (GPB) mencatat pencapaian membanggakan apabila berjaya meraih penarafan tiga bintang dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) susulan semakan separuh tahunan yang dijalankan pada Jun 2025. Penarafan ini menunjukkan peningkatan berbanding dua bintang yang diterima pada semakan sebelumnya pada Disember 2023.

Penarafan tersebut diberikan berdasarkan metodologi FTSE Russell ESG Ratings, yang menilai prestasi syarikat tersenarai di Pasaran

Utama Bursa Malaysia dari aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Pencapaian ini merupakan satu pengiktirafan penting yang mengukuhkan kepercayaan pihak berkepentingan termasuk pelabur, pelanggan, warga kerja dan komuniti terhadap GPB. Ia turut menjadi penanda aras kepada komitmen berterusan syarikat dalam mengutamakan kelestarian serta kejayaan jangka panjang dengan amalan ESG sebagai teras operasi.

16 OKTOBER 2025



PRIMULA BEACH HOTEL DAN UNISZA MEMETERAI MOU PERKUKUH KELESTARIAN, PENDIDIKAN DAN SINERGI INDUSTRI

19 OKTOBER 2025 PRIMULA BEACH HOTEL SDN. BHD. SECARA RASMI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA), MENANDAKAN PERMULAAN KERJASAMA STRATEGIK BERIMPAK TINGGI ANTARA SEKTOR INDUSTRI DAN INSTITUSI PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU.

Majlis menandatangani ini disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Naib Canselor UnisZA, dan Puan Hajah Suaibah binti Harun, Pengurus Besar Primula Beach Hotel Sdn. Bhd. Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Prof. Ts. Dr. Shukor bin Abd Razak, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UnisZA, serta Puan Noraniza binti Hitam @ Sulaiman, Pengurus Akaun Primula Beach Hotel.

Kerjasama ini memberi fokus kepada projek-projek alam sekitar termasuk penghasilan baja kompos organik berasaskan sisa dapur hotel, penggunaan teknologi hijau, penyelidikan bersama dan pembangunan model lestari yang boleh dijadikan rujukan dalam industri hospitaliti negeri Terengganu. Melalui inisiatif ini, Primula Beach Hotel berupaya mengurangkan jumlah sisa makanan, menurunkan kos operasi landskap, serta meningkatkan nilai kelestarian operasi seiring komitmen ESG kumpulan.

Selain aspek persekitaran, MoU ini turut memperkukuh hubungan universiti-industri melalui peluang latihan industri, program pembelajaran berasaskan pengalaman, perkongsian kepakaran akademik,



KMI KUALA TERENGGANU MEDICAL CENTRE RAIH ANUGERAH GLOBAL PERFORMANCE EXCELLENCE AWARD 2025

20 OKTOBER 2025 KMI Kuala Terengganu Medical Centre sekali lagi mengharumkan nama negeri dan negara apabila diumumkan sebagai penerima Global Performance Excellence Award (GPEA) 2025 – Best in Class oleh Asia Pacific Quality Organization (APQO).

penghasilan penyelidikan bersama, serta pembangunan modal insan dalam bidang hospitaliti. Langkah ini dilihat sebagai usaha menyeluruh yang menguntungkan kedua-dua pihak dari sudut pembangunan bakat, inovasi dan kemajuan ilmu.

KMI Kuala Terengganu turut menerima APQO International Best Practice Award (AIBP) 2025 – Silver melalui inisiatif Special Task Force yang memfokuskan kepada penambahbaikan keuntungan, membuktikan kemampuan dalam menyeimbangkan kelestarian kewangan dengan kecemerlangan operasi.

Pencapaian ini menjadi penanda aras baharu dalam kecemerlangan perkhidmatan kesihatan di bawah Kumpulan KMI.



TERENGGANU INC

Welcoming and Appreciation Dinner



TIG EXCELLENT AWARD 2025

IKTIRAF PENCAPAIAN CEMERLANG ANAK SYARIKAT

26 OKTOBER 2025

'WELCOMING AND APPRECIATION DINNER' TELAH DIADAKAN BERSEMPENA 'TIG CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME' SEBAGAI PENGHARGAAN KEPADA PENCAPAIAN YANG DIREKODKAN OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC



Majlis dimulakan dengan ucapan aluan yang penuh inspirasi oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, diikuti dengan Ucapan Khas oleh YAB Dato' Seri Ir Dr Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu juga merangkap Pengerusi Terengganu Inc.



Antara tetamu-tetamu kehormat yang hadir adalah YB Dato' Nara Setia, Setiausaha Kerajaan Terengganu, YB Dato' Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Pegawai Kewangan Negeri, YB Mohd Nawawi bin Ismail, Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, YBhg. Datuk Mohamad Idham Nawawi, Penasihat kepada Lembaga Pengarah CelcomDigi Berhad, barisan Lembaga Pengarah, wakil-wakil daripada CelcomDigi dan PwC serta para tetamu yang bersama-sama memeriahkan majlis.

- Digital Transformation Achievement Award: EPIC Berhad
- CSR Excellence Award: Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd
- Outstanding Dividende Performance: Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd
- Most Promising Company Award: Kuantan Medical Centre Sdn Bhd
- Best Performing Company Award: Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd

TAHNAH KEPADA SEMUA PEMENANG!

Berikut adalah senarai penerima Anugerah TIG Excellent Award 2025:


- Green & Governance Excellence Award: Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd
- Integrity Excellence: Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd
- HR Excellence Award: Kuala Terengganu Specialist Hospital Sdn Bhd



KDYMM SULTAN TERENGGANU BERKENAN TERIMA ZAKAT KUMPULAN TERENGGANU INC RM 8.63 JUTA

22 OKTOBER 2025

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA (KDYMM) AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN BERKENAN MENERIMA ZAKAT PERNIAGAAN KUMPULAN TERENGGANU INC BERJUMLAH RM8,633,380.25 MELALUI MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT YANG DIADAKAN DI ISTANA SYARQIYYAH, CHENDERING.



Replika mock cheque penyerahan zakat tersebut telah dipersembahkan oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc kepada KDYMM Sultan Terengganu sebagai satu komitmen Kumpulan Terengganu Inc dalam pembangunan ummah. Turut hadir bersama-sama di dalam majlis tersebut ialah Dr. Ts. Haji Muhtar bin Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, YM Che Ku Hafeez bin Che Ku Denang, Ketua Eksekutif Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (LRT), serta mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd., Puan Ana Salwati binti Embong.

Majlis penyerahan zakat ini disaksikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), YBhg. Dato' Haji Shaikh Harun Shaikh Ismail, Setiausaha Kerajaan Terengganu Dato' Nara Setia, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohamad Sabri bin Haron serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Ahmad Azrin bin Adnan.

KPKSB TERIMA PENGIKTIRAFAN ISO 45001:2018 DI MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2025

19 NOVEMBER 2025



Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd (KPKSB), anak syarikat EPIC Berhad, terus mengukuhkan reputasinya sebagai penyedia perkhidmatan pelabuhan yang dipercayai selepas menerima pengiktirafan daripada SIRIM Berhad atas pencapaian dalam Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP).

Pada tahun 2023, KPKSB telah dianugerahkan pensijilan ISO 9001:2015 oleh SIRIM, dan tahun ini syarikat sekali lagi menerima penghargaan, kali ini bagi pensijilan ISO 45001:2018, bagi menandakan komitmen berterusan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Pengiktirafan ini disampaikan pada Majlis SIRIM Industri 2025 yang dirasmikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Mewakili KPKSB, Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, menerima pengiktirafan daripada Tuan Nik Sazali Nik Hussin, Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Encik Wan Mohd Azilah Wan Abdullah, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan EPIC Berhad; Kapten Mohd Kamarul Mamat, Pengurus Besar

Pengurusan Pelabuhan dan Perkhidmatan Marin; serta Encik Sazaril Amir Sabri, Ketua Syarikat KPKSB.

Pencapaian ini mencerminkan usaha berterusan KPKSB dalam memperkukuh budaya keselamatan di semua peringkat operasi, memastikan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa, serta memacu penambahbaikan berterusan demi menjamin persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif.

TERENGGANU INC TERIMA ANUGERAH ZAKAT KEBANGSAAN 2025



Terengganu Inc berbangga menerima pengiktirafan berprestij apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Zakat Kebangsaan 2025 dalam Majlis Anugerah Zakat Kebangsaan yang berlangsung di Zenith Hotel Putrajaya.

Anugerah tersebut disampaikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), sebagai penghargaan terhadap komitmen berterusan Terengganu Inc dan syarikat-syarikat kumpulannya dalam melaksanakan tanggungjawab zakat secara konsisten serta memartabatkan nilai-nilai Islam dalam amalan pengurusan korporat.

Pengiktirafan dalam kategori Syarikat Sendirian Berhad itu menilai beberapa aspek utama, termasuk ketepatan dan kepatuhan dalam pembayaran zakat, pengurusan berteraskan prinsip Islam, serta sumbangan kebajikan dan tanggungjawab sosial korporat yang diberikan secara berterusan kepada masyarakat.

YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, hadir menerima anugerah tersebut dalam majlis anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).



Terengganu Inc merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan berharap usaha murni ini akan terus diberkati Allah SWT serta memberi manfaat lebih luas kepada masyarakat

TERENGGANU INC GROUP CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2025: FOKUS KEPADA PENGGUNAAN AI DALAM PERNIAGAAN



TERENGGANU INC CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2025 (CDP 2025) YANG MENGHIMPUNKAN SEMUA LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN BAGI SATU SESI PERKONGSIAN ILMU YANG BERMANFAAT DAN BERIMPAK TINGGI.

Dengan tema "From Boardroom to Botroom: Leading Enterprises through AI Revolution", penganjuran program ini menandakan satu lagi langkah penting dalam usaha berterusan Terengganu Inc memperkasa kepercayaan kepimpinan korporat serta memacu pertumbuhan perniagaan yang mampan di seluruh negeri.





Corporate Directors Programme 2025 (CDP 2025) bersambung di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam. Program dimulakan dengan ucapan khas oleh YBhg. Datuk Idham Nawawi, bekas Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, yang berkongsi pandangan bernilai mengenai tadbir urus korporat dan kepimpinan berkesan. Seterusnya, ucap tama disampaikan oleh YB Dato Mohd Azmi Mohamad Daham, Pegawai Kewangan Negeri, yang turut merasmikan pembukaan rasmi CDP 2025.

Sesi perbincangan panel yang dikendalikan oleh CelcomDigi dan PwC Malaysia kemudiannya memperkukuh pemahaman peserta terhadap pelbagai topik penting seperti tadbir urus AI, ketahanan siber, serta kepimpinan dalam era automasi, di samping menekankan keperluan mengimbangi inovasi dengan akauntabiliti dan pemikiran strategik berpandangan jauh.

Menutup tirai acara, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, YBhg. Dato' Haji Burhanuddin Hilmi

Mohamed @ Harun, turut berkongsi pandangan mengenai kepimpinan organisasi yang berdaya tahan dalam mendepani landskap perniagaan yang pantas berubah dan semakin mencabar.

Turut hadir ialah YB Mohd Nawawi bin Ismail, Penasihat Undang-Undang Negeri; YB Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Exco Kerajaan Negeri; Puan Nurul A'in Abdul Latif, Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia; serta para delegasi CDP 2025.

Strategic Collaboration
Between
CelcomDigi Berhad and Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.
Transforming Terengganu
with Intelligent Connectivity and Digital Innovation

27 October 2025



TERENGGANU INC, CELCOM DIGI METERAI KERJASAMA STRATEGIK MEMAJU DIGITAL DAN TRANSFORMASI AI NEGERI



27 OKTOBER
2025

TERENGGANU INC MELANGKAH KE ERA BAHARU TRANSFORMASI DIGITAL APABILA MENANDATANGANI KERJASAMA STRATEGIK DENGAN CELCOMDIGI BERHAD BAGI MEMPERKUKUH PELAKSANAAN PROJEK KECERDASAN BUATAN (AI) DI NEGERI TERENGGANU.

Menerusi kerjasama ini, Terengganu Inc mampu memanfaatkan kepakaran digital dan AI CelcomDigi untuk memacu perjalanan transformasi. Setelah penilaian kemampuan dilakukan terhadap 13 anak syarikat organisasi, CelcomDigi akan bersama-sama membangunkan satu Kerangka Kerja Strategik AI (AI Strategic Framework) bertujuan mengatasi dan memperkuat aspek utama dalam kesalinghubungan, keselamatan siber, infrastruktur awan, Internet Benda (IoT), dan kesiapsiagaan data.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Dato' Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun berkata, kerjasama itu menjadi pemangkin utama kepada agenda digitalisasi Terengganu yang dijangka meningkatkan kecekapan operasi serta menambah hasil negeri dalam jangka panjang.

Kerjasama ini dibina atas usaha berterusan untuk mengenal pasti peluang yang dapat memperkukuh industri-industri utama dan pertumbuhan ekonomi negeri. Dengan mendigitalisasikan sektor teras, kedua-dua organisasi bermatlamat membuka daya keberkesanan baharu, memperkasa perusahaan tempatan dan memajukan perkhidmatan awam dengan memacu kelestarian dijana teknologi yang menyokong daya bingkang dan daya saing jangka panjang negeri Terengganu supaya sejajar dengan cita-cita digital negara.



GOLDEN PHAROS BERHAD SERTAI MALAYSIAN WOOD EXPO 2025 DI MITEC

10-11 NOVEMBER 2025

GOLDEN PHAROS BERHAD (GPB) MENYERTAI MALAYSIAN WOOD EXPO (MWE) 2025 YANG BERLANGSUNG DI MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE AND EXHIBITION CENTRE (MITEC) SEBAGAI PLATFORM STRATEGIK UNTUK MEMPROMOSIKAN PRODUK KAYU TEMPATAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA YANG MENGHIMPUNKAN 127 PEMPAMER DARI 19 NEGARA.



Penyertaan GPB bersama anak-anak syarikatnya, Pesaka Timber Berhad, Pesama Timber Corporation dan GP Plywood Sdn Bhd, membuka peluang luas untuk memperkenalkan keunikan, kualiti serta ketulenan produk kayu Malaysia kepada pemain industri dari seluruh dunia.

Acara berprestij anjuran Malaysian Timber Council (MTC) ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi. Sepanjang pameran, reruai GPB menerima kunjungan daripada pelbagai pemain industri tempatan dan antarabangsa termasuk dari Kanada, New Zealand, Mexico, Dubai dan India, sekali gus mencerminkan minat tinggi terhadap produk kayu Malaysia.

Selain itu, pengiktirafan Forest Stewardship Council (FSC) dan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dimiliki oleh syarikat-syarikat terlibat turut meningkatkan keyakinan pemain industri antarabangsa untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai produk keluaran Kumpulan GPB.

MANIS FM DAN IKIM FM MEMPERKUKUH SUARA DAKWAH



13 NOVEMBER 2025

SATU MESYUARAT KOORDINASI YANG BERLANGSUNG DI IKIM FM, KUALA LUMPUR TELAH MENANDAKAN SATU DETIK BERMAKNA BUAT MANIS FM.

Sesi ini memfokuskan kepada usaha memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua stesen, di samping

meneroka peluang kolaborasi dalam penerbitan program serta penambahbaikan kandungan siaran.

Kerjasama ini bertujuan untuk memperkaya penyiaran Islam melalui kandungan yang memberi inspirasi, mendidik serta menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan pendengar. Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber yang dimiliki IKIM FM, Manis FM berhasrat untuk meningkatkan pengisian yang menyentuh aspek kerohanian dan menjadi sumber inspirasi harian dalam setiap program yang disiarkan.





EPIC BERHAD TERUS MEMPERKUKUH REPUTASINYA SEBAGAI ORGANISASI YANG MENGUTAMAKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) APABILA MERAIH EMPAT PENGIKTIRAFAN PADA MAJLIS ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MSOSH KE-43 YANG BERLANGSUNG DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA.

14 NOVEMBER 2025

KUMPULAN EPIC RAIH EMPAT PENGIKTIRAFAN DI ANUGERAH MSOSH KE-43

Majlis anjuran Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia (MSOSH) tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly Ahmad, dan menghimpunkan pelbagai organisasi serta individu yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelaksanaan budaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Sejak diperkenalkan pada tahun 1982, Anugerah MSOSH menjadi salah satu platform penanda aras industri dalam menilai pencapaian organisasi terhadap pematuhan dan pelaksanaan sistem pengurusan OSH yang berkesan di sektor masing-masing.

Pada penganugerahan kali ini, Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd (PBKSB), anak syarikat EPIC Berhad yang menyediakan perkhidmatan pangkalan bekalan serta sokongan minyak dan gas, telah menunjukkan pencapaian cemerlang apabila mencatat Skor Prestasi OSH Cemerlang (Excellent OSH Performance Scores) dalam lingkungan 85 hingga 89.99 peratus, sekali gus berjaya meraih 'MSOSH Gold Merit' buat julung kalinya setelah memegang 'MSOSH Gold (Class I)' selama lima tahun berturut-turut.

Dua lagi anak syarikat EPIC Berhad iaitu EPIC OG Sdn Bhd (EOGSB) yang terlibat dalam perkhidmatan kejuruteraan dan

penyelenggaraan pelantar minyak dan gas serta Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd (KPKSB) selaku pengendali Pelabuhan Kemaman, turut menunjukkan prestasi memberangsangkan apabila masing-masing dianugerahkan 'MSOSH Gold Class I' selepas memperoleh 'MSOSH Gold Class II' tahun lalu.

Dalam pada itu, Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, turut dinobatkan sebagai salah seorang penerima 'MSOH President's Award', satu pengiktirafan atas kepimpinan dan komitmen beliau dalam memperkukuh budaya keselamatan serta kesihatan pekerjaan di seluruh operasi Kumpulan.





TDM BERHAD TERIMA PENGIKTIRAFAN 'ESG VERIFICATION' DI MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2025

19 NOVEMBER 2025

TDM DIANUGERAHKAN PENGIKTIRAFAN 'ESG VERIFICATION' DI ATAS PEMATUHAN TERHADAP 'INDEPENDENCE ASSURANCE STATEMENT' BAGI TAHUN 2024 DI MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2025 YANG BERLANGSUNG DI MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR. PENCAPAIAN INI MEMBUKTIKAN KOMITMEN TDM BERHAD TERHADAP TADBIR URUS, KELESTARIAN DAN AMALAN PERNIAGAAN BERTANGGUNGJAWAB SELARAS DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI MODEN YANG MENUNTUT KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI YANG LEBIH TINGGI.

Perdagangan dan Industri (MITI), YBhg. Datuk Ir. (Dr) Khairol Anuar Mohamad Tawi, Pengerusi SIRIM Berhad serta Encik Nik Sazali Nik Hussin, Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad,

Majlis SIRIM Industri 2025 menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha memacu budaya kualiti, kelestarian dan inovasi merentas sektor industri negara. Bertemakan "Quality and Sustainability through AI-Driven Innovation", majlis tahunan ini menghimpunkan pemimpin industri, agensi kerajaan dan rakan strategik bagi mengiktiraf organisasi yang telah menerima pensijilan daripada SIRIM QAS International bagi tahun 2024.

Pengiktirafan ini juga mengukuhkan kedudukan TDM Berhad sebagai organisasi yang progresif dalam membangunkan operasi berasaskan prinsip Environmental, Social and Governance (ESG), selaras dengan aspirasi negara menuju ekonomi karbon rendah serta peningkatan integriti dalam rantaian nilai korporat. Dengan kejayaan ini, TDM Berhad berhasrat untuk terus memperkukuh peranan sebagai organisasi yang memacu kemampanan dan kualiti dalam setiap aspek operasinya.

Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Haji Najman Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TDM hadir sebagai penerima anugerah serta barisan pengurusan Kumpulan TDM. Turut hadir bersama memeriahkan majlis YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan & Pengurusan) Kementerian Pelaburan,





05 DISEMBER 2025

TERENGGANU INC TERIMA PENGIKTIRAFAN RAKAN INDUSTRI CEMERLANG UNISZA 2025



(MARIA) 2025 yang berlangsung di Dewan Tun Dr. Ismail, World Trade Centre Kuala Lumpur.

Pengiktirafan ini diberikan sebagai penghargaan terhadap kerjasama erat dalam menyokong pembangunan pendidikan serta bakat masa hadapan. Seiring dengan pengiktirafan tersebut, Terengganu Inc komited untuk terus memperkukuh hubungan kerjasama dengan UniSZA melalui perkongsian ilmu, inovasi serta inisiatif yang memberi manfaat kepada komuniti dan industri pada masa hadapan.

Terengganu Inc berbesar hati menjadi sebahagian daripada Rakan Industri Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) serta menerima pengiktirafan sebagai Rakan Industri Cemerlang sempena Majlis Apresiasi Rakan Industri dan Alumni UniSZA

KUMPULAN EPIC RAIH TIGA ANUGERAH DI HRD AWARDS 2025 & PENGIKTIRAFAN PLATINUM DI IMPEC 2025

27 NOVEMBER 2025 EPIC BERHAD MERAIKAN SATU LAGI PENCAPAIAN CEMERLANG APABILA BERJAYA MERANGKUL TIGA ANUGERAH PADA "HRD AWARDS 2025 GALA DINNER" MALAM TADI, SEBAGAI PENGIKTIRAFAN TERHADAP INISIATIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG PROGRESIF, SUSULAN KEJAYAAN MERAIH ANUGERAH PLATINUM PADA "INTERNATIONAL MALAYSIA PROJECT EXCELLENCE CONFERENCE (IMPEC) 2025".



YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

Pada majlis tersebut, EPIC Berhad mencipta sejarah sebagai syarikat pertama dari Pantai Timur menerima "Human Resources Minister Award", pengiktirafan tertinggi bagi kategori "Mid-Large Employer". Anugerah ini menjadi cerminan transformasi serta tumpuan strategik syarikat dalam membangunkan tenaga kerja berdaya tahan, berkebolehan dan mampu memenuhi keperluan masa hadapan.

Selain anugerah utama yang diterima EPIC Berhad, anak syarikatnya, Sukma Samudra Sdn Bhd (SSSB), meraih Perak bagi "HRD Corp Award" untuk kategori "East Coast Region SME". Kejayaan ini merupakan pengiktirafan terhadap usahanya dalam membangunkan kebolehan dan kemahiran pekerja. Melalui program latihan dan inisiatif pembangunan kemahiran yang berstruktur, SSSB telah memperkasakan tenaga kerja syarikat untuk memastikan mereka bersedia memenuhi keperluan operasi serta menyumbang kepada pertumbuhan di peringkat Kumpulan EPIC.

TERENGGANU INC TERIMA ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK KWSP 2025



13 DISEMBER 2025

TERENGGANU INC BERBESAR HATI MENERIMA ANUGERAH MAJIKAN TERBAIK 2025 DARIPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) DALAM SATU MAJLIS YANG BERLANGSUNG DI RAIA HOTEL & CONVENTION CENTRE, TERENGGANU.



Anugerah tersebut merupakan satu penghargaan yang amat bermakna serta pengiktirafan terhadap komitmen berterusan Terengganu Inc dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja. Pengiktirafan ini sekali gus mencerminkan usaha berterusan organisasi dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berdaya saing.

Pada majlis yang sama, Primula Beach Hotel turut menerima anugerah yang sama. Pencapaian ini menzahirkan komitmen berterusan Kumpulan Terengganu Inc dalam menghargai pekerja sebagai aset penting yang menyumbang kepada pembangunan organisasi dan negara.

EPIC BERHAD DIKTIRAF SEBAGAI RAKAN INDUSTRI CEMERLANG OLEH UNISZA



05 DISEMBER 2025

EPIC Berhad terus mengukuhkan kedudukannya bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan bersepadu merentasi pelbagai industri yang dipercayai, tetapi juga sebagai rakan strategik akademia yang cemerlang apabila menerima pengiktirafan daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sempena Majlis Appresiasi Rakan Industri & Alumni (MARIA) 2025 yang berlangsung di World Trade Centre Kuala Lumpur.

EPIC Berhad telah menerima dua pengiktirafan, iaitu "Rakan Industri Cemerlang" dan "UniSZA Academia@Industry Engagement Programme" (AIEP). Kedua-dua pengiktirafan ini diberikan sebagai tanda penghargaan terhadap penyertaan aktif EPIC Berhad dalam pelbagai inisiatif pembangunan akademik dan industri.

Majlis turut menyaksikan Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, menerima sijil rasmi pelantikan sebagai Ahli "CEO@Faculty Programme" (CFP) bagi Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) untuk tempoh 1 September 2025 hingga 31 Ogos 2026.

Sijil penghargaan dan pelantikan tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee, Menjalankan Fungsi Pengerusi Lembaga UniSZA, dengan diiringi oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli Adam, Naib Canselor UniSZA.

EPIC Berhad berbesar hati menerima pengiktirafan ini yang mencerminkan komitmen serta penglibatan aktif syarikat dalam menyokong pembangunan modal insan melalui kerjasama erat dengan institusi pendidikan tinggi.

PERMAI HOTEL KUALA TERENGGANU DINOBAT PERKHIDMATAN HOTEL 3 BINTANG TERBAIK PADA ANUGERAH SERI IMAN 2025



18 DISEMBER 2025

PERMAI HOTEL KUALA TERENGGANU MENCATAT PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN APABILA DIANUGERAHKAN PERKHIDMATAN HOTEL TERBAIK (3 BINTANG) SEMENA ANUGERAH SERI IMAN 2025, SEKALI GUS MENGIKTIRAF KECEMERLANGAN HOTEL TERSEBUT DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPADA PARA TETAMU.

Pengiktirafan berprestij ini didedikasikan khas kepada seluruh warga kerja Permai Hotel atas komitmen, keikhlasan dan usaha berterusan dalam mengekalkan standard perkhidmatan yang tinggi. Anugerah ini turut menjadi pemangkin semangat untuk pihak pengurusan terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan demi keselesaan dan kepuasan pelanggan.

Permai Hotel merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu serta Jabatan Pelancongan Negeri selaku penganjur Anugerah Seri IMAN 2025 atas pengiktirafan dan kepercayaan yang diberikan. Penganjuran semula anugerah ini mencerminkan komitmen berterusan dalam menghargai peranan pemain industri pelancongan sebagai pemacu utama pembangunan ekosistem pelancongan negeri.

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD SERTAI MAJLIS MENANDATANGANI MOA PROJEK UTILITI KERAJAAN



19 DISEMBER 2025

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoA) bagi Kerja Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan telah disempurnakan oleh YBhg.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia, selaku wakil Kerajaan Persekutuan bersama syarikat-syarikat utiliti.

Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) berbesar hati menjadi salah satu daripada 19 syarikat utiliti yang terlibat. Diwakili oleh Ts. Haji Abdul Karim bin Endut, Ketua Pegawai Eksekutif SATU bersama Puan Ana Salwati

binti Embong, Pengurus Besar Kanan, Kewangan & Korporat. Penyertaan ini menegaskan peranan strategik SATU dalam menyokong pelaksanaan Garis Panduan Utiliti Rancangan Malaysia Ke-13 (GP Utiliti PK) yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

Melalui kerjasama ini, SATU komited memastikan kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula utiliti dilaksanakan secara lebih terancang dan efisien, sekali gus memperkukuh penyelarasan operasi serta mengurangkan risiko gangguan, kelewatan dan kos tambahan dalam pelaksanaan projek kerajaan demi kepentingan pengguna dan kelestarian perkhidmatan air.



TDM BERHAD SOKONG PEMBANGUNAN BELIA MENERUSI PROGRAM TUNAS SCHOLAR CAREER TALK

08 SEPTEMBER
2025

TDM MELALUI ANAK SYARIKATNYA, KUMPULAN MEDIC IMAN SDN BHD (KMI HEALTHCARE) DENGAN KERJASAMA GOLDEN PHAROS BERHAD (GPB) DAN YAYASAN PENDIDIKAN MAIDAM (YPM) MENJAYAKAN PROGRAM BUAL BICARA KERJAYA TUNAS SCHOLAR BERTEMPAT DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (A) DURIAN GULING, MARANG, TERENGGANU.



Program ini diadakan khusus untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 mengenai peluang kerjaya serta laluan pendidikan yang ditawarkan di bawah biasiswa Tunas Scholar yang disampaikan oleh Puan Wazlina Wahi, Ketua Jururawat Kumpulan KMI Healthcare yang berkongsi pengalaman, motivasi serta pendedahan mengenai peluang pekerjaan dalam bidang kesihatan. Aktiviti penanaman pokok di kawasan sekolah sebagai usaha meningkatkan kesedaran

terhadap kelestarian alam sekitar turut dijalankan sejurus selesai taklimat.

Penganjuran program ini selaras dengan komitmen TDM Berhad menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), khususnya SDG 4: Pendidikan Berkualiti dengan menyediakan akses pembelajaran dan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan.

320 KG SAMPAH DILUPUS MENERUSI “EPIC JOM BERSIH X HSSEQ WEEK 2025”

28 SEPTEMBER
2025



Sebagai sebahagian daripada program HSSEQ Week 2025, EPIC Berhad dengan kerjasama Hess Exploration & Production Malaysia B.V. telah menganjurkan “EPIC Jom Bersih x HSSEQ Week 2025” di sekitar Jeti Star Cruise, Kijal.

Seramai kira-kira 130 sukarelawan hadir berganding bahu membersihkan kawasan pantai, bermula seawal jam 8.30 pagi. Turut turun padang bagi menyokong program ialah Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar

Komunikasi Korporat dan HSSEQ, serta Puan Suziha Muda, Pengurus Kanan HSEQ.

Lebih 320 kilogram sampah berjaya dikutip, termasuk botol plastik yang diasingkan untuk dikitar semula oleh Majlis Perbandaran Kemaman. Aktiviti ini bukan sahaja menyemarakkan kesedaran mengenai agenda kelestarian, malah menekankan kepentingan memelihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.



Kedua-dua program tersebut telah dihadiri oleh pemimpin tempatan, wakil Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta pengurusan TDM Berhad, mencerminkan kerjasama erat antara pihak korporat, institusi agama dan komuniti.

Inisiatif ini menzahirkan sokongan berterusan TDM Berhad terhadap Matlamat

Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), khususnya SDG 1: Tiada Kemiskinan dan SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat, di samping memperkukuh nilai keprihatinan, daya tahan komuniti dan pembangunan kolaboratif yang mampan di seluruh Terengganu.

TDM BERHAD PERKUKUH KESEJAHTERAAN KOMUNITI MELALUI PROGRAM CSR DI SURA DAN TELEMONG

01-22 OKTOBER 2025

TDM MENERUSKAN KOMITMEN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MENERUSI PROGRAM TDM BERSAMA MASYARAKAT YANG DILAKSANAKAN DI SURA, DUNGUN DAN TELEMONG, HULU TERENGGANU.

Di Suria, seramai 360 penerima asnaf daripada 24 buah kampung telah menerima bantuan tunai serta barangan keperluan asas bagi meringankan beban sara hidup. Sementara itu, di Telemong, seramai 134 penerima turut menerima bantuan yang sama, selain pengisian sesi perkongsian kerohanian bagi memperkukuh kesejahteraan emosi dan rohani komuniti setempat.

SESI PERKONGSIAN TERENGGANU INC BERSAMA PENERIMA BIASISWA TUNAS SCHOLAR DI UNIVERSITY COLLEGE BESTARI



29 SEPTEMBER 2025

Terengganu Inc telah mengadakan sesi perkongsian istimewa di University College Bestari (UC Bestari) sebagai usaha berterusan dalam menyokong dan menyemai semangat generasi muda Terengganu yang berpotensi tinggi.

Ketibaan delegasi Terengganu Inc telah disambut mesra oleh YBrs. Prof Madya Ir. Dr. Mustafa Salleh, Naib Canselor UC Bestari. Antara pengisian utama sesi tersebut ialah perkongsian oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, yang menyampaikan nasihat

serta panduan berharga kepada para penerima biasiswa Tunas Scholar.

Delegasi turut dibawa melawat kemudahan moden UC Bestari termasuk Makmal Kejururawatan serta beberapa makmal khusus lain yang menonjolkan penekanan universiti terhadap pembelajaran berasaskan amali dan dunia sebenar. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah Encik Mohd Roslan bin Mamat, Ketua Pegawai Eksekutif Golden Pharos Berhad; Puan Salina binti Long, Pengurus Besar KMI Healthcare Kuala Terengganu; serta barisan pengurusan Terengganu Inc.

Sesi perkongsian ini mencerminkan komitmen berterusan Terengganu Inc dalam membangunkan bakat muda negeri melalui Program Tunas Scholar, seiring dengan aspirasi untuk melahirkan generasi profesional yang berilmu, berdaya saing dan mampu menjadi pemangkin kemajuan Terengganu pada masa hadapan.



“EPIC PINKTOBER CARE 2025” SENTUHAN PRIHATIN EPIC BERHAD SEMPENA BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA

26 OKTOBER 2025



26 Oktober - Bulan Oktober kembali membawa makna istimewa dengan simbol reben merah jambu, lambang solidariti terhadap para pejuang kanser payudara di seluruh dunia. Tampil menyahut seruan kesedaran akan penyakit tersebut, EPIC Berhad telah menganjurkan “EPIC Pinktober Care 2025” di Wad Rawatan Harian Pembedahan, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).



Menerusi program ini, Pasukan sukarelawan syarikat berpeluang menyantuni pesakit-pesakit kanser payudara selain mengagihkan cenderahati dan kekawan sebagai tanda sokongan buat perjuangan mereka. Turut diraikan, petugas-petugas kesihatan termasuk para jururawat, doktor serta kakitangan barisan hadapan yang menjadi tulang belakang kepada perjalanan pesakit-pesakit di sana.

Dalam kesempatan yang sama, EPIC Berhad turut menyerahkan sumbangan kepada Kelab Surgeri Terengganu (KESTER) bagi menyokong usaha berterusan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kanser payudara. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ, kepada Dr. Hussain Mohamad, Pakar Perunding Payudara dan Endokrin, dengan disaksikan oleh Dr. Dzawati Amalin Basemin, Ketua Penolong Pengarah Perubatan Kanan; Dr. Mohd Fadliyazid Abd Rahim, Ketua Jabatan Pembedahan Am; dan Dr. Yusri Rahimi Jusoh @ Mohd Yusof, Pakar Bedah Am.

TERENGGANU INC SUMBANG MOTOSIKAL KHAS OKU 13 OKTOBER 2025

Dalam usaha berterusan untuk menyokong komuniti dan memperkukuh tanggungjawab sosial korporat, Terengganu Inc telah menyampaikan sumbangan sebuah motosikal khas Orang Kurang Upaya (OKU).

Majlis penyerahan berlangsung dalam suasana ringkas yang disempurnakan oleh Encik Lokman bin Tengah, Ketua Kewangan Kumpulan Terengganu Inc hadir mewakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan syarikat dalam membantu golongan memerlukan serta memastikan kesejahteraan komuniti setempat terus diberi perhatian. Penerima, Wan Muhammad Subkisarhan, yang memerlukan kemudahan mobiliti khusus, diharapkan dapat menjalani urusan harian dengan lebih mudah dan selesa.

Pihak syarikat turut menyatakan bahawa usaha seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai individu dalam komuniti dapat dibantu, sejajar dengan aspirasi Terengganu Inc untuk menjadi organisasi yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga prihatin dan inklusif.





TDM BERHAD ZAHIRKAN SOKONGAN SOLIDARITI KEMANUSIAAN KEPADA PALESTIN MELALUI HIMPUNAN MALAM PALESTIN

26 OKTOBER 2025

TDM BERPELUANG MENGHADIRI PROGRAM HIMPUNAN MALAM PALESTIN: BAHU UNTUK GAZA YANG DIADAKAN DI STADIUM TERTUTUP GONG BADAK, KUALA TERENGGANU.

Program anjuran Muslim Care Malaysia Society (MCM) dengan kerjasama Unit Belia, Sukan dan NGO Terengganu (UBSNT) ini telah disempurnakan oleh YAB Dato’



Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dan turut hadir Haji Najman Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, TDM Berhad. Sebagai tanda sokongan berterusan, TDM Berhad turut menyalurkan sumbangan terhadap perjuangan kemanusiaan serta bantuan kepada masyarakat yang terkesan di Palestin.

Program ini menghimpunkan seluruh lapisan masyarakat bagi menyatakan solidariti terhadap rakyat Palestin serta mengumpul dana bantuan kemanusiaan dalam bentuk makanan, air bersih, tenaga solar dan sokongan berterusan kepada rakyat Gaza. Selain menjadi wadah penyatuan suara masyarakat terhadap isu kemanusiaan, inisiatif ini turut memperkukuh semangat perpaduan dan kesedaran bersama dalam membantu mereka yang memerlukan.

EPIC BERHAD RAIKAN SENYUMAN ANAK-ANAK AUTISME

16 NOVEMBER 2025



EPIC Berhad hari ini telah menganjurkan program EPIC Raikan Senyuman 2025 bersama kira-kira 30 anak-anak autisme di Pusat Autisme Sejahtera Terengganu, sebagai sebahagian daripada komitmen syarikat dalam menyokong pembangunan komuniti serta meningkatkan kesedaran mengenai keperluan khas kanak-kanak autisme.

Program ini diisi dengan pelbagai aktiviti interaktif, termasuk permainan berstruktur, aktiviti rangsangan deria dan sesi bimbingan ringan, yang direka khas untuk merangsang perkembangan komunikasi, motor dan daya tumpuan anak-anak istimewa ini. Selain aktiviti menarik dan pemberian saguhati, anak-anak autisme juga berpeluang menikmati lunch box daripada Marrybrown bagi menyemarakkan lagi keceriaan program. Turut hadir memeriahkan acara ialah para ibu bapa dan penjaga anak-anak tersebut.

EPIC Berhad juga menyampaikan sedikit sumbangan kepada Pusat Autisme Sejahtera Terengganu sebagai tanda sokongan atas usaha pusat tersebut dalam membimbing serta menyediakan persekitaran kondusif untuk perkembangan anak-anak autisme.

ANUGERAH PERDANA TERENGGANU INC DI KONVOKESYEN UNISZA KE-17

10 NOVEMBER 2025

Majlis Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) ke-17 menyaksikan kejayaan membanggakan apabila Nurul Hanan Adam diumumkan sebagai penerima Anugerah Perdana Terengganu Inc, sekali gus mengakhiri perjalanan pengajiannya dengan pencapaian cemerlang.

Nurul Hanan, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (Kepujian Kelas



Pertama), melakar detik penuh bermakna di depan kedua-dua ibu bapanya yang hadir menyaksikan saat gemilang tersebut. Ayahnya dilihat berdiri megah menyaksikan kejayaan itu, manakala ibunya menitiskan air mata syukur apabila anak mereka melangkah ke pentas menerima anugerah.

Anugerah Khas Perdana Terengganu Inc ini telah dilaksanakan bermula tahun 2023 sehingga 2027 dan ia juga merupakan program tanggungjawab sosial sebahagian daripada kerjasama strategik dalam ‘Terengganu Inc-UniSZA Islamic Investment Project’.

TDM BERHAD SANTUNI KOMUNITI JABI MELALUI PROGRAM TDM BERSAMA MASYARAKAT

17 NOVEMBER 2025



membantu mereka mengurus keperluan asas. Sumbangan ini mencerminkan komitmen TDM Berhad dalam memastikan kesejahteraan komuniti sentiasa menjadi tumpuan, khususnya bagi golongan yang memerlukan. Majlis turut diserikan dengan pengisian rohani melalui tazkirah dhuha yang menggalakkan masyarakat menanam rasa kesyukuran dalam kehidupan seharian.

TDM Berhad menerusi Program TDM Bersama Masyarakat Jabi, sebuah inisiatif yang memberi tumpuan kepada kebajikan golongan asnaf dan komuniti sekitar yang merupakan salah satu usaha memperkukuhkan keprihatinan sosial serta mendekati masyarakat setempat. Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri

Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi. Turut hadir Haji Najman Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TDM Berhad serta barisan pengurusan TDM Berhad.

Seramai 134 penerima daripada golongan asnaf menerima bantuan wang tunai sebagai langkah meringankan beban kewangan serta



EPIC BERHAD PERKASA KELESTARIAN PESISIR PANTAI MELALUI "EPIC JOM BERSIH 2025" DAN "EPIC GROW GREEN 2025"

04 DISEMBER 2025

EPIC Berhad menganjurkan dua inisiatif penjagaan alam sekitar, iaitu "EPIC Jom Bersih 2025", aktiviti pembersihan pantai, dan "EPIC Grow Green 2025", acara penanaman pokok di Pantai Batu Buruk 2, Kuala Terengganu, dalam usaha memperkukuh komitmen syarikat terhadap kelestarian pesisir pantai, pemerkasaan komuniti dan pemeliharaan alam sekitar.

Dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), kedua-dua program tersebut melibatkan 130 sukarelawan daripada EPIC Berhad, Jabatan Landskap MBKT, Kumpulan Terengganu Inc,

Green Ranger UMT dan Urus Setia Penerangan Darul Iman (UPDI) yang berganding bahu dalam misi memelihara serta memulihkan ekosistem pesisir pantai Terengganu.

Program dimulakan dengan aktiviti pembersihan pantai "EPIC Jom Bersih 2025", di mana sukarelawan mengutip pelbagai jenis sisa termasuk sisa plastik, bahan buangan, serta sampah yang dibawa arus monsun. Secara keseluruhan, aktiviti ini berjaya mengumpulkan kira-kira 250 kilogram sampah sarap, dengan botol plastik, botol kaca dan tin aluminium dikumpulkan secara berasingan untuk dikitar semula oleh pasukan Green Ranger UMT.

Sejurus tamat aktiviti pembersihan pantai, Program diteruskan dengan program penanaman pokok "EPIC Grow Green 2025". Sebanyak 100 anak Casuarina Equisetifolia atau lebih dikenali sebagai pokok rhu pantai telah ditanam di kawasan terpilih sepanjang pantai. Spesies ini dipilih kerana keupayaannya mengurangkan hakisan pantai, menstabilkan tanah berpasir dan bertindak sebagai penghadang angin semula jadi bagi meningkatkan ketahanan jangka panjang pesisir pantai.



SATU TERUS MENGUKUH INISIATIF DAN KOMITMEN KOMUNITI MELALUI PROGRAM CSR PEMASANGAN PAIP AIR RETIKULASI & PILI BOMBA DI KAMPUNG BAKAU TINGGI, KEMAMAN

05 DISEMBER 2025

SATU telah melaksanakan Program CSR Pemasangan Paip Air Retikulasi dan Pili Bomba di Blok B, Pusat Pengajian Taman Islam, Kampung Bakau Tinggi, Kemaman, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh prasarana air komuniti setempat.

Tanggungjawab sosial korporat SATU diteruskan dengan gotong royong membersihkan longkang sepanjang laluan paip bagi memastikan kawasan bersih dan bersedia menghadapi musim Monson Timur Laut.

Turut hadir meninjau pelaksanaan projek, YB Dato' Haji Hanafiah Bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau, bagi menunjukkan sokongan berterusan terhadap usaha memperkukuh kemudahan air untuk komuniti.

PROGRAM BANTUAN KHAS NELAYAN MUSIM TENGGUJUH TDM, SANTUNI 372 KELUARGA NELAYAN SEBERANG TAKIR

06 DISEMBER 2025

TDM BERHAD MEMBANTU 372 KELUARGA NELAYAN SEBERANG TAKIR MELALUI PROGRAM BANTUAN KHAS NELAYAN MUSIM TENGGUJUH.



Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Nor Hamzah, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Payong. Majlis turut dihadiri oleh YB Haji Khazan Che Mat, Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu (ADUN) Seberang Takir dan Encik Azrol Hadi Rosalan, Ketua Audit Dalaman TDM serta pengurus TDM lain bertempat di Dewan Sivik Seberang Takir.

Program ini merupakan komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat dalam memastikan kesejahteraan masyarakat, khususnya golongan nelayan yang terjejas sepanjang musim tengkujuh. Pelaksanaannya turut memperkukuh sokongan TDM terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) melalui

pendekatan yang menekankan aspek kesejahteraan sosial, ekonomi dan komuniti. Usaha ini secara langsung menyokong SDG 10: 'Reduced Inequalities' dengan memberi tumpuan kepada kumpulan masyarakat yang terkesan oleh perubahan cuaca, terutamanya para nelayan yang berhadapan dengan penyusutan pendapatan ketara sepanjang musim tengkujuh.

TDM kekal komited untuk terus menyokong kesejahteraan komuniti setempat, khususnya golongan nelayan yang menjadi tunjang penting sektor perikanan negeri. Diharapkan inisiatif seperti ini dapat memperkukuh hubungan bersama masyarakat serta memberikan manfaat yang berterusan kepada mereka yang memerlukan.

TI PROPERTIES SDN BHD HARMONI DIDIK: PROGRAM CERIA KE SEKOLAH

05 DISEMBER 2025

TI PROPERTIES SDN BHD TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM CERIA KE SEKOLAH SEBAGAI INISIATIF UNTUK MEMBANTU PELAJAR ASNAF MELALUI PEMBERIAN BAUCAR RM 100 KEPADA 100 ORANG PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT DIMAN DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MENERONG BAGI PEMBELIAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN BAGI SESI 2026.



Program ini mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam memperkukuh peranan terhadap kebajikan masyarakat melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YB Ustaz Haji Maliaman Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional merangkap Pengerusi TI Properties, dengan diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Encik Awasi Mohamad serta kakitangan.

Pemberian baucar tersebut merupakan sebahagian daripada peruntukan Wakalah Zakat MAIDAM yang diamanahkan kepada TI Properties untuk diagihkan kepada golongan yang layak. Melalui inisiatif ini, syarikat berharap dapat membantu meringankan beban persediaan persekolahan ibu bapa serta memberi suntikan semangat kepada para pelajar untuk memulakan sesi baharu dengan lebih yakin dan berdaya saing.



TERENGGANU INC MERIAHKAN PROGRAM SANTAI SEKAMPUNG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG MARAS



19 DISEMBER 2025

Terengganu Inc berbesar hati menyertai Program Santai Sekampung anjuran KOR Asas Keusahawanan dan KOR Budi Penyayang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Kopi Sawah Maras serta komuniti Kampung Maras.

Penglibatan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial

Korporat (CSR) yang mencerminkan komitmen Terengganu Inc dalam menyumbang kembali kepada masyarakat. Ia juga melambangkan sokongan berterusan terhadap inisiatif pelajar dalam merapatkan hubungan antara universiti dan masyarakat, di samping memupuk nilai keusahawanan, kepimpinan dan kesukarelawan dalam kalangan generasi muda.

Program ini turut dimeriahkan dengan pengisian berunsur tradisi tempatan termasuk

persembahan Silat Gayung Ota-Ota Kampung Maras serta sajian kuih-muih tradisional dalam suasana desa yang mendamaikan.

Terengganu Inc berharap inisiatif CSR seumpama ini dapat diteruskan bagi menyokong kesejahteraan komuniti serta memperkukuh hubungan strategik antara organisasi dan masyarakat.

SUKAN TERBUKA GPB 2025 PERKUKUH SEMANGAT KEKITAAN WARGA KERJA

09 OKTOBER 2025



Sukan Terbuka GPB 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Orang Ramai, Bukit Besi, Dungun, bersempena sambutan Hari Sukan Negara yang diraikan di seluruh negara.

Program anjuran Golden Pharos Berhad (GPB) ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja, di samping memupuk semangat kesukanan

dan kerja berpasukan. Penganjuran ini juga menjadi platform persediaan awal menjelang Sukan Kumpulan Terengganu Inc yang dijadualkan berlangsung pada 14 dan 15 November 2025.

Seramai kira-kira 200 warga kerja daripada Golden Pharos Berhad, Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Terengganu, Pesama Timber Corporation, Pesaka Timber Berhad, GP

Plywood Sdn Bhd dan GP Agroforestry Sdn Bhd telah mengambil bahagian dalam lima acara sukan utama iaitu bola tampar, futsal, ping pong, dart dan carrom.

Penganjuran sukan ini turut menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan.

TERENGGANU INC PERKUKUH PENAJAAN SUKAN PERMOTORAN MELALUI PENYERTAAN HAKIM DANISH DALAM WILDCARD MOTO3

Penyertaan wildcard pelumba muda negara, Hakim Danish, dalam Kejohanan Dunia Moto3 di Grand Prix Malaysia telah disahkan menerusi satu kerjasama antara

AEON Credit Service (M) Berhad dan SIC Racing Team, di bawah nama pasukan AEON Credit SIC Racing Msi.

Terengganu Inc turut berbangga menjadi penaja pasukan bagi menyokong perjuangan Hakim Danish dalam cabaran wildcard Moto3 di litar tanah air.



Majlis pelancaran rasmi telah disempurnakan dengan kehadiran YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan; YBhg. Datin Anita Azrina Abdul Aziz, Pengerusi PETRONAS Sepang International Circuit; Encik Azhan Shafriman Hanif, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Sepang International Circuit; Encik Ng Eng Kiat, Pengerusi AEON Credit Service (M) Berhad; serta para penaja lain yang turut menyokong penyertaan wildcard Moto3 Hakim Danish.

Turut hadir mewakili Terengganu Inc ialah Encik Khairul Nizam Khalid Mirza, Naib Presiden Strategi & Perancangan Korporat Kumpulan, dan Puan Suridah Supian, Naib Presiden Komunikasi Strategik Kumpulan.



TSG SHIMANO FELLOWSHIP RIDE 2025 RAI EDISI KELIMA DENGAN PENYERTAAN 2,500 PESERTA

20 SEPTEMBER 2025

EDISI KELIMA TSG SHIMANO FELLOWSHIP RIDE 2025 ANJURAN TERENGGANU CYCLING TEAM (TSG) BERLANGSUNG MERIAH DENGAN PENYERTAAN SERAMAI 2,500 PENGGEMAR SUKAN BERBASIKAL DARI SELURUH NEGARA.

Acara berprestij ini menampilkan dua kategori utama iaitu fun ride dan off-road, dengan laluan sejauh 107 kilometer yang mencabar bermula dan berakhir di Kompleks Pentadbiran Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus.

Terengganu Inc tampil sebagai penaja utama penganjuran bersama anak-anak syarikat termasuk EPIC Berhad, TDM Berhad, Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd, Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd,

Golden Pharos Berhad, Primula Beach Hotel, Permai Hotel dan ManisFM. Penyertaan bersama ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memupuk gaya hidup sihat dan memperkukuh semangat kekitaan dalam komuniti.

Majlis penutup disempurnakan oleh YB Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu, turut diiringi oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Inc serta para penaja yang lain.

Penganjuran ini sekali lagi membuktikan sokongan padu Terengganu Inc dan rakan-rakan strategiknya terhadap pembangunan sukan komuniti, khususnya dalam memperkukuhkan imej Terengganu sebagai negeri yang aktif dan berdaya saing dalam arena sukan berbasikal.





KUMPULAN TERENGGANU INC TAJA TOUR GATEH D'TRANUNG (TGDT) 2025

04 NOVEMBER 2025

Dengan tema "Feel the Real" perlumbaan malam sejauh 66 kilometer itu berlangsung penuh mendebarkan dan mendapat perhatian ramai, termasuk barisan tetamu kehormat iaitu YB Dato' Nara Setia, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu; YB Dato' Haji Mohd Azmi Mohamad Daham, Pegawai Kewangan Negeri; serta YB Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO.

Turut hadir memberi sokongan ialah ketua-ketua syarikat di bawah Kumpulan Terengganu Inc selaku penaja kejohanan, antaranya Encik Khairul Nizam Khalid Mirza, *Vice President, Group Corporate Strategy & Planning* mewakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc; Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad; YM Haji Che Ku Hafeez bin Che Ku Denang, Ketua Eksekutif Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd; serta Encik Hamdan Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd. Barisan pengurusan Kumpulan Terengganu Inc turut hadir menyatakan komitmen dan sokongan padu terhadap penganjuran TGDT 2025.

Penganjuran TGDT 2025 bukan sahaja menyerlahkan keupayaan pelumba profesional, malah terus memperkukuh kedudukan Terengganu sebagai destinasi sukan dan pelancongan yang semakin mendapat perhatian.



TERENGGANU INC BERSAMA ANAK-ANAK SYARIKAT, TDM BERHAD, LADANG RAKYAT TERENGGANU SDN BHD, EPIC BERHAD, DAN SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD, TAMPIL SEBAGAI PENAJA BAGI TGDT 2025.

Kejohanan Tour Gateh D'Terengganu (TGDT) 2025 merangkumi lapan peringkat melibatkan jarak keseluruhan sejauh 910.5 kilometer melabuhkan tirai penganjurannya dengan penuh meriah apabila peringkat terakhir, Peringkat 8: Night Criterium, menyaksikan aksi perlumbaan sengit melibatkan 130 pelumba profesional dari dalam dan luar negara.





22 NOVEMBER
2025

TIG GAMES 2025 ANJURAN TERENGGANU INC MENERUSI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN TERENGGANU INC (TISAW) BERSAMA KERJASAMA ERAT SYARIKAT-SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN TERENGGANU INC MELABUHKAN TIRAI DENGAN PENUH MERIAH DAN BERPRESTIJ DALAM MAJLIS PENUTUPAN YANG BERLANGSUNG DI STADIUM TERTUTUP, KOMPLEKS SUKAN GONG BADAQ.

TIG GAMES 2025 TAMAT DENGAN JAYANYA, SATU DINOBAT JUARA KESELURUHAN

Majlis dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, sebelum disusuli dengan ucapan perasmian oleh YB Ustaz Fadhli Rahmi, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO, yang memberikan kata-kata semangat kepada para peserta.

Kemuncak majlis menyaksikan gimik perasmian serta penyerahan bendera TIG Games 2025 kepada penganjur seterusnya, EPIC Berhad, sebagai simbol kesinambungan

semangat kesukanan dalam Kumpulan Terengganu Inc menjelang TIG Games 2026. Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) diumumkan sebagai Juara Keseluruhan TIG Games 2025, menandakan pencapaian membanggakan hasil dedikasi, disiplin dan semangat berpasukan tinggi dalam kalangan warganya.

Majlis penutup turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat dan para kontinjen yang menunjukkan komitmen luar biasa sepanjang kejohanan berlangsung.

Terengganu Inc menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak penaja serta kontinjen yang telah menyertai kejohanan ini dengan penuh semangat kesukanan. Kejayaan TIG Games 2025 dianggap sebagai hasil kerjasama padu dan komitmen kukuh semua pihak yang terlibat.





TERENGGANU INC MELALUI ANAK SYARIKAT KUMPULAN, SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU), TELAH MELABUHKAN TIRAI INTERNATIONAL GOLDEN MONSOON RIDE & RUN (IGMRR) 2025 YANG BERLANGSUNG SELAMA DUA HARI DENGAN PENUH KEMERIAHAN SERTA SAMBUTAN LUAR BIASA.

IGMRR 2025 MELABUH TIRAI DENGAN PENYERTAAN LEBIH 4,200 PESERTA



22 NOVEMBER 2025

Edisi kali ini mencatatkan penyertaan tertinggi setakat penganjuran, dengan lebih 4,200 peserta mengambil bahagian dalam pelbagai acara utama berintensiti tinggi termasuk MTB Race, On Road Cycling, Duathlon, Fun Ride dan Fun Run. Program turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan berkonsepkan komuniti dan kekeluargaan serta booth pameran dan jualan korporat serta penaja.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh YB Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu, dengan diiringi YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, serta Ts. Abdul Karim bin Endut, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd, bersama dif-dif kehormat.

IGMRR 2025 turut disertai peserta antarabangsa dari Thailand dan Singapura yang membuktikan daya tarikan acara ini di peringkat serantau dan meningkatkan profil Terengganu sebagai destinasi penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa. Penganjuran IGMR 2026 turut diumumkan dengan GPQ Sdn Bhd, Primula Beach Hotel dan Permai Hotel Kuala Terengganu bakal berganding bahu sebagai penganjur edisi tahun hadapan.

